

Demonstrasi: PM mahu rakyat nyatakan pendirian

BH 11 MAR 2001

Oleh ZAINUDIN ISA

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat yang tidak menyokong rusuhan dan demonstrasi jalanan supaya menyatakan pendirian mereka bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terus berkekalan.

Perdana Menteri berkata, sikap berdiam diri rakyat boleh dianggap oleh penganjur demonstrasi jalanan sebagai memberi sokongan dan merestui mereka untuk bertindak lebih agresif.

"Mungkin ramai yang berasa jika mengutuk demonstrasi jalanan itu seolah-olah mereka menyokong kerajaan. Ini kerana ia (demonstrasi) adalah sesuatu yang tidak menguntungkan, sebaliknya merugikan semua orang," katanya di majlis pertemuan dengan rombongan 21 persatuan silat dan seni pertahanan diri, di Seri Perdana di sini petang semalam.

Sebelum itu, Perdana Menteri menerima memorandum daripada rombongan yang diketuai Datuk Omar Din Mauju yang mendesak supaya dihentikan segera demonstrasi jalanan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak dan parti politik.

Mereka yang mewakili kira-kira 5.3 juta ahli daripada pelbagai kaum juga menyatakan ikrar dan taat setia untuk memberi sokongan penuh kepada kerajaan yang dipilih rakyat demi memastikan keamanan dan ketenteraman negara terus terpelihara.

Menurut Dr Mahathir, mereka yang ingin menukar kerajaan sepatutnya menggunakan cara halal melalui pili-

han raya tanpa menjejaskan keamanan dan keselamatan negara.

Di Malaysia kata beliau, tidak ada sekatan kepada sesiapa untuk mengundi parti lawan atau memilih kerajaan lain.

"Jika mahu tukar kerajaan tunggulah sampai pilihan raya. Bukannya lama sangat. Tunggu empat lima tahun saja kemudian tukarlah kerajaan dengan cara yang aman.

"Sebab itu kita lihat beberapa negeri jatuh kepada parti pembangkang, misalnya Kelantan dan Terengganu dan satu ketika Pulau Pinang dan Sabah.

"Malah, pada 1969, Selangor pernah dalam keadaan siapa nak tubuhkan kerajaan. Ini bermakna kita tidak ada sekatan untuk sesiapa pilih kerajaan. Tidak seperti sesetengah negara lain mereka tentukan dan kalau ada pilihan raya pun, cuma parti kerajaan menang," katanya.

Dr Mahathir berkata, mereka yang mengadakan demonstrasi berniat untuk memberi gambaran buruk kepada dunia luar bahawa Malaysia kini dalam keadaan kucar-kacir.

"Ini amat menyedihkan kerana kesannya bukan saja menjejaskan kedatangan pelabur asing, malah menyukarkan peniaga tempatan mencari sumber pendapatan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, rakyat perlu sedar cara berdemonstrasi dan merusuh bukannya satu keseronokan dan soal yang boleh dipermain-mainkan.

Mengenai sebilangan penuntut universiti yang turut terbabit dengan

Tidak hargai jasa pemimpin

DARI MUKA 1
BH 11 MAR 2001

demonstrasi jalanan, beliau berkata: "Kita bersusah payah untuk memberi pelajaran kepada mereka. Kita tubuhkan universiti dengan harapan mereka akan belajar.

"Tapi ada orang hasut dan ganggu mereka. Sebab itu persepsi mereka (kepada kerajaan) begitu rendah sekali," katanya.

Beliau juga menyifatkan tindakan pelajar itu sebagai tidak menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin negara terdahulu yang ingin memastikan kemajuan anak bangsanya.

"Kalau minat politik, tunggulah selepas habis belajar dulu," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta persatuan seni silat yang banyak disertai pelajar menekankan kepada prinsip asas seni mempertahankan diri iaitu mengikis perasaan bermusuhan dan kebolehan.

LIHAT MUKA 2